

2. Sekumpulan murid telah menjalankan ujikaji menggunakan kepingan kad manila, plastik berwarna dan plastik jernih berbentuk kupu-kupu untuk menyiasat kejelasan bayang bayang yang terbentuk



A



B



C

Plastik lutsinar

Plastik berwarna

Kad manila



Hasil eksperiment telah direkodkan dalam jadual di bawah.

Kupu-kupu	Kejelasan bayang bayang
A	Tiada
B	Kurang jelas
c	Jelas

1. Apakah pemerhatian anda mengenai bayang-bayang yang terhasil apabila menggunakan plastik lutsinar?
2. Apakah yang menyebabkan kejelasan di antara ketiga-tiga objek berubah?
3. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan penyiasatan ini?

Su Yin menjalankan penyiasatan untuk untuk mengkaji sifat bahan terhadap kebolehan penembusan cahaya. Mereka menggunakan tiga jenis kaca yang diperbuat daripada jenis bahan yang berbeza. Kaca diletakkan di hadapan muka murid dan pemerhatian dibuat.



Kaca lutsinar



kaca lutcahaya



kaca Jubin

Jadual di bawah menunjukkan hasil penyiasatannya.

Jenis kaca	Pemerhatian
Kaca lutsinar	Muka jelas kelihatan
kaca lutcahaya	Muka dapat dilihat dengan kurang jelas
kaca Jubin	Muka tidak dapat dilihat.

Nyatakan

1. pemboleh ubah dimanipulasikan
2. pemboleh ubah dimalarkan
3. Kaca yang manakah pemerhati dapat melihat muka paling jelas ?
4. Jelaskan jawapan anda di atas.